

21 kakitangan UUM terima sumbangan tabung kebajikan

BH
27/9/2001
UK1/2

SINTOK, Rabu - Dua puluh satu kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima sumbangan Tabung Kebajikan Staf yang dilancarkan di universiti itu hari ini.

Tabung berkenaan ditubuhkan bertujuan untuk memberi bantuan kebajikan kepada kakitangan, termasuk yang ditimpa musibah atau bencana alam.

Turut menerima sumbangan berkenaan ialah kakitangan yang baru melangsungkan perkahwinan dan mendapat cahaya mata.

Tabung kebajikan itu dilancarkan oleh Naib Canselor UUM, Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri pada satu majlis khas di Bilik Senat UUM.

Antara yang turut hadir termasuk Timbalan Naib Canselor, dekan, ketua jabatan dan wakil beberapa persatuan kakitangan UUM.

Tabung Kebajikan Staf UUM diwujudkan di bawah Majlis Kebajikan Sukan dan Kebudayaan

(MKSK) UUM yang ditubuhkan dan mula bergiat sejak tahun lalu.

Idea penubuhan tabung berkenaan dicetuskan oleh Dr Ahmad Fawzi apabila dilantik Naib Canselor UUM pada 31 Mei lalu.

Dr Ahmad Fawzi berkata, setiap kakitangan universiti diminta menyumbang RM1 sebulan kepada tabung itu manakala universiti menambah RM2 bagi setiap RM1 yang disumbangkan kakitangan.

Katanya, pada masa ini UUM mempunyai 1,700 kakitangan dan berharap tabung itu akan dapat menjadi pemangkin kepada perpaduan kakitangan serta memupuk semangat bekerja yang lebih cemerlang dan cekap.

"Sebanyak 60 peratus daripada dana tabung ini akan disalurkan untuk tujuan kebajikan kakitangan UUM, manakala 40 peratus lagi untuk kegiatan sukan dan kebudayaan kakitangan universiti," katanya.